



جاپتن حال احوال اکام اسلام نکري سابه

KHUTBAH JUMAAT 24 ZULHIJAH 1441 H/ 14 OGOS 2020 M

PENTAS DAKWAH MEDIA SOSIAL

DISEDIAKAN OLEH: JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

MA'ASYIRAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan memperkukuhkan pengabdian diri kita kepada-Nya, melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan pada hari yang penuh berkat ini menjadikan kita insan yang berjaya di dunia dan akhirat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Islam ialah agama dakwah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia bertujuan untuk mensejahterakan kehidupan umat manusia di dunia dan akhirat. Firman Allah SWT didalam ayat 107 Surah al-Anbiya';

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴿١٠٧﴾

Maksudnya: "Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Mutakhir ini, kita dapat menyaksikan hampir 1.6 bilion manusia menganut agama Islam di seluruh dunia. Statistik ini menjelaskan betapa keberhasilan proses dakwah yang dilaksanakan oleh para Da'ie bersesuaian dengan keperluan semasa malah diterima dan dekat di hati masyarakat sehingga mampu membawa manusia kepada mentauhidkan Allah SWT.

SIDANG JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Allah SWT berfirman dalam al-Quran melalui surah al-Nahl ayat 125;

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Maksudnya; “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah atau kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.

Melalui ayat ini dapat difahami bahawa kaedah dakwah yang digariskan di dalam al-Quran adalah melalui;

1. **Pertama:** Hikmah atau Kebijaksanaan; tidak mencukupi dengan berbekalkan ilmu yang ada di dada sahaja, seorang Da'ie itu perlu menjuarai kaedah penyampaian yang baik, *smart* dan bersesuaian dengan keadaan.
2. **Kedua:** Memberi nasihat dan pengajaran yang baik; Kaedah ini disebut juga sebagai *amr ma'ruf nahi mungkar* iaitu menyeru melakukan kebaikan dan meninggalkan segala keburukan.
3. **Ketiga:** Berbahas menggunakan perkataan yang lebih baik; perkara ini juga yang Allah SWT sebutkan termasuk salah satu sifat *ibadurrahman* yang dicintai oleh Allah SWT, jika orang jahil memintanya untuk berdebat, maka dia membalasnya dengan perkataan “sejahtera atas kamu”.

Dengan kaedah ini golongan *Mad'u* akan merasa senang dan sentiasa membuka hati untuk didekati kerana konsep dan pendekatan dakwah yang digariskan agama sangat mementingkan adab dan budaya setempat.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Dalam era globalisasi ini, media sosial pada harini dilihat sebagai medium dan tumpuan manusia sejagat. Penggunaan media sosial telah menguasai pelbagai aspek kehidupan termasuklah aktiviti dakwah. Justeru, penggunaan media sosial seperti *facebook*, *whatsapps*, *instagram* dan *twitter*, dilihat memberi peluang yang luas dalam menyampaikan mesej dakwah kerana sifatnya yang pantas dan sejagat. Dilaporkan bahawa kini terdapat lebih 500 juta pengguna *facebook* dan lebih 100 juta pengguna *twitter* di seluruh dunia. Di negara kita direkodkan lebih 12 juta rakyat di negara ini mempunyai akaun *facebook*, majoritinya berusia antara 16 hingga 35 tahun.

Namun, jumlah yang sedemikian banyaknya ini sangat terdedah dengan pelbagai perkongsian maklumat samada maklumat yang sahih dan dan maklumat yang tidak sahih, malahan dipenuhi dengan fitnah dan eksploitasi.

Justeru, perkara ini menjadi satu cabaran kepada para dai'e yang giat aktif di media sosial kerana mereka juga tidak terlepas daripada ancaman fitnah dan eksploitasi.

Oleh yang demikian, para dai'e hendaklah bersedia dari segi ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan teknologi serta aplikasi-aplikasi yang digunakan agar tidak mudah untuk menjadi sasaran orang-orang tertentu yang berniat untuk menjatuhkan usaha dakwah di muka bumi ini. Dakwah itu tidak terhad hanya dengan ceramah mahupun kelas-kelas bimbingan sahaja, akan tetapi dengan kelebihan dunia teknologi usaha dakwah ini dapat menerobos dengan hanya satu klik di alam maya. Mengakhiri khutbah pada minggu ini, marilah sama-sama kita mentadabur firman Allah SWT dalam surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ۗ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ۗ

Bermaksud: "Maka sesiapa berbuat kebajikan meskipun seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat meskipun zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)"

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas, sila hubungi:
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidik dan Informasi
Jabatan Halk Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88100 Kota Kinabalu.
Tel: 088-522127@ 088-522124